

# SAWIT

## JANA PENDAPATAN NEGARA

Malaysia adalah negara pengeluar kedua tertinggi minyak sawit selepas Indonesia dengan pengeluaran keseluruhan menyumbang 39 peratus daripada pengeluaran global.

Minyak sawit Malaysia diekspor ke lebih 150 negara dengan pasaran terbesarnya adalah China, India dan Kesatuan Eropah.

Permintaan menggalakkan minyak sawit Malaysia disebabkan oleh mutunya yang tinggi.


Ia mendominasi perdagangan dalam sektor pertanian Malaysia sejak 1990 hingga kini.

Pada 28 Januari lalu, harga minyak sawit mentah melonjak kepada RM5,700 satu tan metrik.

Nilai eksport minyak sawit dan derivatif hiliran Malaysia pula merekodkan RM91.4 bilion bagi tempoh Januari hingga November 2021 berbanding RM65.3 bilion bagi tempoh sama pada 2020.

Pada masa sama, tahun ini, kerajaan akan berusaha untuk meneroka pasaran eksport baharu minyak sawit ke Timur Tengah dan Asia Selatan merangkumi Arab Saudi, Iran, Sri Lanka, India serta Bangladesh.

Ia seterusnya dapat mengembangkan lagi industri sawit Malaysia serta meningkatkan ekonomi pihak yang terbabit dalam industri ini.



## KEMAMPUAN MINYAK SAWIT




Sumber tenaga diet sangat baik dan sesuai untuk vegan (diet vegetarian paling ketat)



Bebas diubah suai secara genetik (GMO) dan selamat digunakan bagi tempoh lama

*Minyak sawit dihasilkan daripada bahagian sabut.*



*Minyak isirung sawit dihasilkan daripada bahagian isirung (bijil).*



Bebas lemak trans, kolesterol dan asid lemak tidak tepu



Menghalang pertumbuhan barah



Antitrombotik (mengurangkan risiko darah beku)



Kaya dengan karotenoid



Membantu penyerapan vitamin A, D, E dan K




Kaya vitamin E tokotrienol



## TANAMAN SAWIT

- Berasal dari Afrika Barat.
- Nama saintifiknya 'elaeis guineensis jacq'.
- Dibawa masuk ke Malaysia oleh orang Inggeris pada 1870-an sebagai tanaman hiasan.
- Mula ditanam secara besar-besaran di Malaysia pada 1960-an.

**Daun**  
Dijadikan  
baja organik



**Pelepah dan daun sawit**  
Dijadikan baja organik

**Batang sawit**  
Dijadikan sebagai bahan asas untuk membuat perabot

**Tandan tiada buah sawit**  
Dikompos dan digunakan semula sebagai baja organik di ladang



## KEGUNAAN KELAPA SAWIT

### Pucuk daun sawit

- Membuat sarung ketupat.
- Asas makanan ternakan seperti lembu dan kambing.

### Sisa penulenan minyak sawit

- Dedak makanan haiwan ternakan

### Batang sawit

- Dijadikan perabot

### Tempurung sawit


- Dibakar menjadi arang berkualiti tinggi untuk bahan penapis, peluntur dan penulen dalam pelbagai industri pemprosesan.

### Sisa organik biojisim sawit

- Dijadikan bahan api (biofuel).

## BUAH SAWIT

- Sebatang pokok sawit menghasilkan kira-kira 26 tandan segar setiap tahun.
- Bertukar warna merah keemasan apabila masak.
- Dihantar ke kilang dengan segera selepas dituai bagi memastikan minyak dihasilkan berkualiti tinggi.



**Isi dan isirung**  
Daripada buah sawit ditukar kepada minyak sawit dan minyak isirung sawit



METRO AHAD (06/02/2022) M/S 25

WARTAWAN  
NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN  
asyikin.mat@hmetro.com.my



GRAFIK  
ZUL FADHLI KAMARRUDIN  
z.fadhli@hmetro.com.my



### PEMROSESAN MINYAK SAWIT

**1** Selepas dituai, buah tandan segar dihantar ke kilang sawit.



**2** Disteril, diasingkan dan diperah.



**3** Minyak sawit mentah



**4** Minyak sawit mentah ditapis untuk menghasilkan minyak berkualiti jernih



**5** Minyak sawit berbentuk cecair (olein) dipisahkan daripada bahagian pepejal (stearin)



**6** Olein sawit melalui proses penapisan, pelunturan dan nyahbau untuk menghasilkan RBD olein (bentuk cecair kuning keemasan dan jernih iaitu minyak masak).



**7** RBD olein dipek terus di dalam botol atau tin. -RBD olein boleh diproses seterusnya untuk menghasilkan produk nilai tambah yang lain.



### KEGUNAAN MINYAK SAWIT

**Marjerin**  
Kandungan lemak pepejal menjadikan minyak sawit sebagai bahan mentah ideal dalam pembuatan marjerin.

**Pengganti lemak koko**  
Minyak sawit dan minyak isirung adalah bahan mentah sesuai menghasilkan lemak khas.





**Lelemak**  
Lelemak sawit membantu meningkatkan rasa pembuatan biskut, roti, kek dan sebagainya.

**Sumber vitamin E**  
Tokotrienol sawit, adalah salah satu kumpulan vitamin E yang diekstrak daripada minyak sawit.

**Pengganti lemak tenusu**  
Memberikan tekstur berkrim dan rasa krim berlemak.

**Aiskrim**  
Digunakan untuk menggantikan susu yang lebih mahal.

**Kosmetik**  
**Sabun**



## EKSPORT MINYAK SAWIT KE PASARAN UTAMA

**2019**

Jumlah eksport  
**18.47 juta tan**

Jumlah nilai :  
**RM41.65 bilion**



India  
**4.410 juta tan**



China  
**2.491 juta tan**



Kesatuan Eropah  
**2.094 juta tan**



Pakistan  
**1.086 juta tan**



Filipina  
**0.629 juta tan**

**2020**

Jumlah eksport  
**17.37 juta tan**

Jumlah nilai :  
**RM48.89 bilion**



China  
**2.731 juta tan**



India  
**2.727 juta tan**



Kesatuan Eropah  
**1.937 juta tan**



Pakistan  
**1.004 juta tan**



Filipina  
**0.693 juta tan**

## HARGA MINYAK SAWIT MENTAH (PURATA BULANAN SETIAP SATU TAN)

**2021**

Disember 2021	<b>RM5,070</b>
November 2021	<b>RM5,341</b>
Oktober 2021	<b>RM5,051</b>
September 2021	<b>RM4,556</b>
Ogos 2021	<b>RM4,555</b>
Julai 2021	<b>RM4,128.50</b>
Jun 2021	<b>RM3,830.50</b>
Mei 2021	<b>RM4,572</b>
April 2021	<b>RM4,220</b>
Mac 2021	<b>RM4,041.50</b>
Februari 2021	<b>RM3,895.50</b>
Januari 2021	<b>RM3,748.50</b>

**2020**

Disember	<b>RM3,620.50</b>
November	<b>RM3,422</b>
Oktober	<b>RM2,979.50</b>
September	<b>RM2,924</b>
Ogos	<b>RM2,815</b>
Julai	<b>RM 2,519</b>
Jun	<b>RM2,411.50</b>
Mei	<b>RM2,074</b>
April	<b>RM2,299</b>
Mac	<b>RM2,382</b>
Februari	<b>RM2,714.50</b>
Januari	<b>RM3,013.50</b>

**2022**

Setakat 28 Januari 2022	<b>RM5,700</b>
Purata Januari 2022	<b>RM5,354.50</b>

**2019**

Disember	<b>RM2,813</b>
November	<b>RM2,493.50</b>
Oktober	<b>RM2,104</b>
September	<b>RM2,097</b>
Ogos	<b>RM2,066.50</b>
Julai	<b>RM1,879</b>
Jun	<b>RM1,968</b>
Mei	<b>RM1,946.50</b>
April	<b>RM2,018.50</b>
Mac	<b>RM1,903.50</b>
Februari	<b>RM2,100.50</b>
Januari	<b>RM2,037</b>

Sumber: [bepi.mpob.gov.my](http://bepi.mpob.gov.my) & [sawit.com.my](http://sawit.com.my)

